Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 4, April 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kajian Keberkesanan Penggunaan Buku Bergambar dalam Kemahiran Menulis Bahasa Cina Tahun Dua

Chai Chooi Wei[1, 2], Ng Miew Hoon[2]
[1]Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampong Coldstream, Bidor, Perak
[2]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Correspondence: Chai Chooi Wei (wewe811@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membanding antara pengajaran dengan buku bergambar dalam penulisan ayat dan pengajaran tradisional yang menggunakan kosa kata, dengan melihat perbezaan kaedah penggunaan buku bergambar dan pengajaran tradisional terhadap skor pencapaian penulisan ayat Bahasa Cina murid tahun dua. Kajian ini juga mengenal pasti tahap minat murid terhadap pengajaran yang berpandukan buku bergambar. Kajian berbentuk kuasi-eksperimental ini dilaksanakan dalam 8 minggu di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Seramai 44 orang responden terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 21 orang responden sebagai kumpulan rawatan dan 23 orang responden sebagai kumpulan kawalan. Data kajian dikutip melalui ujian pra, ujian pasca dan soal selidik bagi mengesan skor pencapaian penulisan ayat dan tahap minat murid. Hasil kajian menunjukkan (i) kesan kaedah buku bergambar terhadap skor pencapaian penulisan ayat murid adalah positif, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor ujian pasca berbanding min skor ujian pra, dan (ii) tahap minat murid terhadap pembelajaran buku bergambar adalah positif. Kesimpulan kajian membuktikan penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran telah mempertingkatkan skor pencapaian penulisan ayat Bahasa Cina dan minat murid tahun dua. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempertingkatkan kesan penulisan ayat Bahasa Cina.

Kata kunci: buku bergambar, penulis ayat, pengajaran tradisional, skor pencapaian penulisan ayat, tahap minat murid, tahun dua

Study of the Effectiveness of Using Picture Books in Standard Two Students' Chinese Sentence Writing Skill

Abstract

The study's aim is to compare the teaching using picture books with traditional teaching by using vocabulary in writing sentences, by looking at the effects of both methods on students' achivement of Chinese sentence writing test score. This study will also identifies students' interest towards learning using picture book. The quasi-experimental design was conducted in 8 weeks in two Chinese school. A total of 44 respondents were involved in this study. They consisted of 21 respondents as a treatment group and 23 respondents as a control group. The data were collected through pre-test, post-test and questionnaire to detect the level of achievement in sentence writing and level of interest of the students. The results showed that (i) the effect of picture book on the achievement of sentence writing was positive, where the data showed significant differences between the mean scores of the post-test and

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

the mean scores of the pre-test, and (ii) the level of students' interest in the picture book learning was positive. The conclusions of the study showed that using picture books in teaching and learning has increased the achievement of Chinese sentence writing test score and the level of student's interest in Standard Two students. The study implicates that using picture books in learning can enhance the effectiveness of teaching and learning Chinese sentence writing.

Keywords: picture book, sentence writing, traditional teaching, sentence writing test score, the level of student's interest, standard two

---

Pengenalan

Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendekatan Kementerian Pendidikan terhadap pendidikan menumpukan perhatian dalam bidang pembangunan murid secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh. Kebanyakan pakar pendidikan menyedari kenyataan bahawa kanak-kanak memerlukan kemahiran yang lebih daripada 3M (menulis, membaca, mengira) setelah mereka menamatkan alam persekolahan. Maka, salah satu keperluan dalam era globalisasi pada abad ke-21 ini ialah melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi. (Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, ms. 73)

Menurut matlamat utama dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua (2016), Standard Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketrampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian. Murid yang menguasai kemahiran menulis dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Kemahiran ini merangkumi kemahiran penggunaan tatabahasa dan komunikasi secara lisan. Ini dapat memupuk pemikiran kritikal, kreatif dan inovatif murid, keupayaan menyelesaikan masalah yang rumit dan memutuskan sesuatu perkara dengan berhemah. Murid yang mengikuti pembelajaran dan pemudahcaraan Standard Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Rendah berkeupayaan untuk menghasilkan penulisan sendiri dan menguasai kemahiran menulis, serta memupuk minat dalam penulisan karya. Minat dan bakat murid dalam penulisan dapat dicungkil melalui pembelajaran dan pemudahcaraan yang menarik. Maka, kajian ini direka untuk menguji keberkesanan penggunaan buku bergambar dalam kemahiran menulis Bahasa Cina Tahun Dua.

Pernyatan Masalah

Artikel Hong dan Zhuang (2011) menunjukkan tahap penulisan dalam kalangan murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina semakin menurun. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan peratus murid yang mendapat skor A dalam penulisan Bahasa Cina dalam UPSR. Hong Li Fen dan Zhuang Hui Shan berpendapat bahawa punca utama tahap penulisan menurun disebabkan oleh kekurangan isi kandungan, isi kurang menarik, penggunaan kosa kata yang tidak tepat dan isi yang mengelirukan.

Di samping itu, Fang (2015) dalam rencana Oriental Daily melaporkan bahawa Bahasa Cina di Malaysia berbeza dengan Bahasa Cina di negara China dan Taiwan kerana mengandungi unsur "Rojak". Ini bererti terdapat campuran bahasa lain di dalam Bahasa Cina di Malaysia. Fenomena ini menyebabkan asas penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina adalah kurang memuaskan jika dibandingkan dengan negara China dan ini turut mengakibatkan kesukaran dalam usaha menunjukkan keistimewaan Bahasa Cina di Malaysia (Fang, 2015).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

Menurut Mielonen dan Paterson (2009), terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam didik hibur dapat meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan juga membentuk kemahiran sosial kanak-kanak. Ekoran daripada itu, aktiviti pembelajaran yang berunsur didik hibur seperti buku bergambar dapat menarik minat pembelajaran murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran. (Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5, 2016)

Che Zanariah dan Fadzilah (2011) telah meninjau aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. Beliau mendapati bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis masih berada pada tahap sederhana dan belum mencapai objektif yang disasarkan. (Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5, 2016)

Menurut Teori Perkembangan Kognitif daripada Jean Piaget, tahap perkembangan kognitif kanak-kanak yang berumur 7 tahun berada di antara peringkat pra-operasi dan operasi konkrit. Golongan ini dapat menyelesaikan masalah konkrit, memahami konsep pengekalan dan dapat membuat klasifikasi. (Ragbir, 2013)

Tambahan pula, guru pakar sastera dari negara China, Li (2017) berpendapat bahawa gambar dapat mencetus minda murid terhadap sesuatu perkara. Gambar yang menarik dalam buku bergambar dapat membantu murid-murid mengingati sesuatu pembelajaran dan berlakunya proses pengekalan. Lantaran itu, buku bergambar dapat membantu dalam usaha meningkatkan tahap penulisan ayat dalam kalangan murid tahap rendah. (He Jie, 2017)

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

i. Mengenal pasti perbezaan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina.
ii. Mengenal pasti perbezaan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata.

Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

i. Apakah perbezaan dalam skor pencapaian penulisan ayat terhadap penggunaan buku bergambar dengan penggunaan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina?
ii. Apakah perbezaan terhadap kesan minat murid selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Cina dengan penggunaan buku bergambar dan penggunaan kosa kata?

Kepentingan kajian

Dapatan dan hasil kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu serta menilai pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat murid tahap satu agar selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Kajian ini diumpamakan sebagai satu usaha untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran penulisan ayat Bahasa Cina khasnya pada peringkat tahap satu di sekolah rendah agar masalah ini tidak akan berterusan dan menjejaskan penguasaan kemahiran penulisan murid-murid pada tahap dua. Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan salah satu sumber rujukan bagi pihak-pihak yang berkenaan seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Institut Pendidikan, Lembaga Peperiksaan, Bahagian Buku Teks, guru-guru dan ibu bapa. Dengan itu, dapatan dan hasil kajian ini dapat dimanfaatkan kepada pihak yang berkenaan pada tahap yang lebih optimum.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

Ulasan Kajian Lepas

Penggunaan Buku Bergambar dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Teori perkembangan kognitif Jean Piaget menjelaskan murid tahun dua berada pada peringkat operasi konkrit. Dengan menggunakan ciri-ciri yang terdapat dalam peringkat ini, pengkaji memilih buku bergambar yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif murid tahun dua sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan buku bergambar ini merupakan satu cara permulaan dalam pengajaran menulis ayat (Cao, 2016).

Teori perkembangan kognitif Jean Piaget ini mempunyai hubungan yang intim dengan penggunaan buku bergambar dalam penulisan ayat. Dengan memahami tahap perkembangan kognitif murid tahun dua, maka pengkaji dapat menggunakan cara pembelajaran yang sesuai dengan tahap murid supaya mereka dapat menguasai kemahiran menulis yang diajar (Song, 2017).

Kaedah Penggunaan Buku Bergambar dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran penulisan berpandukan buku bergambar, murid dapat dipupuk dari segi kemahiran memerhati, menyampaikan maklumat, pemikiran kritis dan inovatif serta penghayatan kesenian (Ji, 2015).

Ji (2015) telah mengemukakan jurnal yang bertajuk "Membina Rancangan Mengajar Penulisan Ayat Tahap Rendah Berpandukan Buku Bergambar". Rancangan mengajar penulisan ayat tahap rendah ini terdiri daripada tiga kaedah yang mengikut urutan iaitu:

i. Pemerhatian: Murid dipupuk menguasai kemahiran pemerhatian pada tahap permulaan. Ini bertujuan untuk melatih murid menggunakan deria penglihatan dalam proses pembelajaran. Guru akan bercerita tentang buku bergambar manakala murid dibimbing meneliti gambar yang terdapat dalam buku bergambar. Mata murid akan tertarik dengan gambar yang besar dalam buku bergambar. Mereka tidak semestinya berupaya membaca keseluruhan teks dalam buku bergambar pada tahap permulaan. Perkara yang penting ialah mereka dapat memerhati gambar dan mengingati isi cerita buku bergambar.

ii. Penyampaian: Murid dilatih untuk menyampaikan maklumat yang diperolehi melalui pembelajaran penulisan ayat. Kaedah ini merupakan asas pembelajaran penulisan ayat. Murid digalakkan menggunakan cara mencontohi ayat yang tertera pada buku bergambar. Contohnya, buku bergambar menunjukkan "Bapa saya sangat hebat, beliau mendapat johan dalam pertandingan berlari." Maka, murid boleh menulis "Ibu saya sangat hebat, beliau mendapat johan dalam pertandingan memasak."

iii. Pengaplikasian: Setelah murid mempelajari kaedah pemerhatian dan penyampaian, mereka akan dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan harian. Dengan itu, mereka menggunakan pengalaman yang telah dipelajari dalam pengajaran dan pembelajaran yang lepas, maka mereka akan dapat menulis sekurang-kurangnya ayat mudah dalam kehidupan harian.

Objektif utama rancangan mengajar penulisan ayat ini ialah melahirkan murid yang berupaya menghasilkan karya dengan usaha sendiri. Ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan diumpamakan sebagai sebatang jambatan yang menghubungkaitkan perkembangan kognitif murid ke tahap penguasaan penulisan ayat yang lebih tinggi.

Penggunaan Buku Bergambar dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa terdapat banyak kajian penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di luar negara seperti China dan Taiwan. Kajian-

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan buku bergambar bagi meningkatkan kemahiran menulis murid pada tahap rendah.

Menurut kajian Lee (2014), beliau menyatakan bahawa buku bergambar mengandungi unsur-unsur menarik yang menjadi tarikan utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Unsur ini dapat menarik minat murid-murid dalam pembelajaran, mereka menumpukan perhatian semasa guru sedang bercerita buku bergambar.

Kajian Yang (2016) menunjukkan bahawa penggunaan buku bergambar dalam penulisan ayat adalah satu usaha untuk membina kerangka kurikulum penulisan kanak-kanak yang baharu pada abab ke-21 ini. Beliau berpendapat bahawa penggunaan buku bergambar dalam penulisan ayat adalah satu cara dan kaedah pengajaran yang berkesan.

Selain itu, kajian Ye (2016) juga mendapati bahawa buku bergambar yang mengandungi ilustrasi berwarna-warni, kandungan yang ringkas dan menarik. Kelebihan buku bergambar ini amat sesuai dijadikan sebagai satu bahan bantu mengajar untuk memupuk murid dalam penulisan ayat. Beliau menjelaskan penggunaan buku bergambar dalam penulisan ayat adalah untuk mengajar murid menulis ayat dengan bahan buku bergambar.

Di samping itu, kajian Lee (2017) telah menyenaraikan kepentingan buku bergambar dalam kemahiran membaca dan kemahiran menulis dalam kalangan murid tahap rendah. Beliau bersetuju dengan pandangan Datuk Buku Bergambar Jepun, Song Ju Zhi yang menyatakan bahawa keutamaan sesebuah buku bergambar bukan setakat pada gambaran dan mesej yang disampaikan, malahan bahasa dalam buku bergambar perlu diutamakan.

Hasil kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat pembelajaran murid dan meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis seseorang murid.

Metod Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan buku bergambar dalam kemahiran menulis Bahasa Cina tahun dua di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di daerah Batang Padang, Perak. Sampel kajian ini terdiri daripada dua buah kumpulan iaitu kumpalan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menerima kaedah penggunaan buku bergambar dalam pengajaran dan pembelajaran manakala kumpulan kawalan didedahkan dengan kaedah penggunaan kosa kata. Terdapat 21 orang responden dari kumpulan rawatan dan 23 orang responden dari kumpulan kawalan. Instrumen yang digunakan ialah ujian pra-pasca dan soal selidik. Kedua-dua kumpulan menduduki ujian pra-pasca dan menjawab soal selidik yang sama. Reka bentuk kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Reka Bentuk Kajian Kuasi-eksperimantal

Kumpulan rawatan	N	U_1	X	U_2	S
Kumpulan kawalan	N	U_1	Y	U_2	S

Nota: N = Kumpulan responden yang tidak seimbang
X = Pembelajaran responden dengan penggunaan buku bergambar
Y = Pembelajaran responden dengan penggunaan kosa kata
U_1 = Ujian pra
U_2 = Ujian pasca
S = Soal selidik

Pada permulaan, responden diberi masa sebanyak 30 minit untuk menduduki ujian pra. Selepas itu, mereka akan mengikuti 30 minit waktu pengajaran dan pembelajaran dalam setiap minggu. Tempoh

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini ialah 8 minggu. Selepas itu, responden akan menjawab ujian pasca dalam masa 30 minit dan soal selidik selama 15 minit.
Responden mempelajari kaedah membina 3 ayat dalam setiap pengajaran dan pembelajaran. Kumpulan rawatan membina ayat berdasarkan buku bergambar selepas mengikuti pengajaran berpandukan buku bergambar. Kumpulan kawalan pula membina ayat berdasarkan kosa kata yang ditunjukkan oleh guru.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimental. Oleh itu, pengendali dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan guru-guru Bahasa Cina dari dua buah sekolah. Mereka menggunakan rancangan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pengkaji.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian ini menggunakan program IBM Statistics versi 23 untuk menganalisis data. Keputusan dan hasil kajian data ditunjukkan seperti berikut:

Hasil Kajian Kuasi-eksperimental

Setelah tamat kajian kuasi-eksperimental, keputusan hasil kajian dikutip seperti berikut:

Jadual 2: Perbandingan skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan

Kumpulan Pencapaian	Kumpulan rawatan				Kumpulan kawalan			
	Ujian pra	(%)	Ujian pasca	(%)	Ujian pra	(%)	Ujian pasca	(%)
Cemerlang	0	0	0	0	0	0	0	0
Baik	6	28.57	9	42.86	6	26.09	5	21.74
Memuaskan	15	71.43	12	57.14	11	47.83	9	39.13
Kurang memuaskan	0	0	0	0	3	13.04	7	30.43
Tahap pencapaian minimum	0	0	0	0	3	13.04	2	8.70
Jumlah	21	100	21	100	23	100	23	100

Jadual 2 di atas menunjukkan perbandingan skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Tiada responden yang mencapai tahap skor pencapaian cemerlang dalam ujian pra-pasca ini. Kumpulan rawatan menunjukkan keputusan yang lebih baik daripada kumpulan kawalan.

Jadual 3: Skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan

Ujian	Min	Sisihan piawai	Cronbach's Alpha	Ujian-t	Tahap signifikan
Pra - Pasca (56.90-60.24)	-3.34	0.18	0.801	-4.066	.001

Tahap signifikan: .05

Jadual 3 merupakan skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa min skor ujian pra dan ujian pasca ialah 56.90 dan 60.24. Sisihan piawai dan Cronbach's Alpha ialah 0.18 dan 0.801. Perbezaan min skor antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan ialah -3.34. Nilai min skor adalah lebih tinggi

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

selepas mengikuti pengajaran penulisan ayat berpandukan buku bergambar. Keputusan ujian-t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra dan ujian pasca, t =-4.066, p< .05. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian penulisan ayat kumpulan rawatan semasa ujian pra dan ujian pasca. Ini memperlihatkan bahawa pengajaran tersebut dapat meningkatkan skor pencapaian penulisan ayat murid kumpulan rawatan ke tahap maksimum.

Jadual 4: Skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan

Ujian	Min	Sisihan piawai	Cronbach's Alpha	Ujian-t	Tahap signifikan
Pra - Pasca (47.01-46.85)	0.16	1.88	0.938	0.084	.000

Tahap signifikan: .05

Jadual 4 merupakan skor pencapaian penulisan ayat semasa ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Hasil daripada analisis ini menunjukkan bahawa min skor ujian pra dan ujian pasca ialah 47.01 dan 46.85. Sisihan piawai dan Cronbach's Alpha ialah 1.88 dan 0.938. Perbezaan min skor antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 0.16. Nilai min skor adalah lebih rendah selepas mengikuti pengajaran penulisan ayat berpandukan kosa kata. Keputusan ujian-t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra dan ujian pasca, t =0.084, p< .05. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pencapaian penulisan ayat kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca. Ini memperlihatkan bahawa pengajaran tersebut tidak dapat meningkatkan skor pencapaian penulisan ayat murid kumpulan kawalan ke tahap yang maksimum.

Hasil Analisis Melalui Soal Selidik

Selepas tamat ujian pasca, soal selidik diberi untuk mengesan tahap minat responden terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Berikut menunjukkan dapatan soal selidik yang mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Jadual 5: Dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan rawatan

No	Soalan	Kenyataan			Min Skor
		Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	
1	Saya suka belajar menulis ayat.	0%	33.3%	66.7%	2.67
2	Saya berasa seronok belajar menulis ayat.	0%	33.3%	66.7%	2.67
3	Saya berasa menulis ayat sangat mudah.	0%	28.6%	71.4%	2.71
4	Saya berasa cara pengajaran guru sangat menarik.	0%	23.8%	76.2%	2.76
5	Saya menanti-nantikan waktu pengajaran menulis ayat.	0%	23.8%	76.2%	2.76
6	Saya berminat belajar menulis ayat dengan guru.	0%	23.8%	76.2%	2.76
7	Saya suka cara pengajaran guru.	0%	23.8%	76.2%	2.76
8	Saya akan menggunakan cara pengajaran guru dalam penulisan ayat	0%	23.8%	76.2%	2.76

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

pada masa yang akan datang.				
Min Keseluruhan	0%	26.8%	73.2%	2.73

Jadual 5 menunjukkan dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan rawatan. Berdasarkan jadual tersebut, taburan peratusan memilih jawapan "sangat setuju" adalah tinggi iaitu mencapai min peratus 73.2%. Di samping itu, peratusan memilih jawapan "setuju" ialah 26.8%. Peratusan ini rendah kerana ramai responden telah memilih jawapan "sangat setuju". Tiada seorang responden dari kumpulan rawatan memilih jawapan "tidak setuju". Maka dapatan soal selidik ini telah membuktikan bahawa kaedah pengajaran penulisan ayat mendapat sambutan yang baik daripada kumpulan rawatan. Golongan murid ini lebih berminat belajar kemahiran menulis dengan kaedah pengajaran guru yang menggunakan buku bergambar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.


Jadual 6 merupakan dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan kawalan. Dengan merujuk kepada jadual 11, didapati min keseluruhan pilihan jawapan "setuju" mencapai tahap tinggi iaitu sebanyak 65.8%. Terdapat 23.9% pilihan jawapan "tidak setuju" dan hanya 10.3% pilihan jawapan "sangat setuju" dari kumpulan kawalan. Keputusan dapatan soal selidik ini menunjukkan bahawa responden dari kumpulan kawalan memberi respons yang sederhana terhadap kaedah pengajaran penulisan ayat yang menggunakan kosa kata. Data pada pilihan jawapan "setuju" memperlihatkan golongan murid ini setuju dengan kaedah pengajaran yang diterima tetapi tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembelajaran tersebut. Oleh itu, dapatan soal selidik ini membuktikan bahawa minat murid terhadap pengajaran penulisan ayat yang menggunakan kosa kata adalah sederhana.

Jadual 6: Dapatan soal selidik mengikut skala Likert dan min skor bagi kumpulan kawalan

No	Soalan	Kenyataan			Min Skor
		Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	
1	Saya suka belajar menulis ayat.	17.4%	69.6%	13.0%	1.96
2	Saya berasa seronok belajar menulis ayat.	17.4%	69.6%	13.0%	1.96
3	Saya berasa menulis ayat sangat mudah.	21.7%	60.9%	17.4%	1.96
4	Saya berasa cara pengajaran guru sangat menarik.	30.4%	65.2%	4.4%	1.74
5	Saya menanti-nantikan waktu pengajaran menulis ayat.	30.4%	60.9%	8.7%	1.78
6	Saya berminat belajar menulis ayat dengan guru.	21.7%	65.2%	13.0%	1.91
7	Saya suka cara pengajaran guru.	26.1%	65.2%	8.7%	1.83
8	Saya akan menggunakan cara pengajaran guru dalam penulisan ayat pada masa yang akan datang.	26.1%	69.6%	4.3%	1.78
	Min keseluruhan	23.9%	65.8%	10.3%	1.87


Rajah 1 merupakan perbandingan min skor setiap soalan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Didapati skor min bagi kumpulan kawalan adalah lebih rendah jika berbanding dengan skor min kumpulan rawatan. Ini bermaksud murid kumpulan rawatan lebih berminat mempelajari pengajaran penulisan ayat yang menggunakan buku bergambar berbanding dengan murid kumpulan kawalan yang mempelajari penulisan ayat berpandukan kosa kata sahaja.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385



Rajah 1: Perbandingan min skor setiap soalan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Rajah 2 merupakan perbandingan peratusan setiap kenyataan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Didapati peratusan kenyataan sangat setuju dalam soal selidik bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi jika berbanding dengan skor min kumpulan kawalan. Perbezaan sebanyak 62.9% dalam kenyataan sangat setuju bagi kedua-dua kumpulan ini. Maka ini bermaksud murid kumpulan rawatan menunjukkan minat yang tinggi semasa mempelajari pengajaran penulisan ayat yang menggunakan buku bergambar berbanding dengan murid kumpulan kawalan yang mempelajari penulisan ayat berpandukan kosa kata sahaja.



Rajah 2: Perbandingan peratusan setiap kenyataan dalam soal selidik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian ujian pra-pasca dan soal selidik, didapati bahawa skor pencapaian penulisan kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang lebih ketara berbanding dengan kumpulan kawalan. Soal selidik pasca juga menunjukkan murid dalam kumpulan rawatan amat menyukai pembelajaran melalui penggunaan buku bergambar. Mereka lebih berminat untuk membaca dan menulis ayat semasa waktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Lantaran itu, analisis data kajian eksperimen ini berjaya membuktikan bahawa terdapat perbandingan di antara pengajaran dengan penggunaan buku bergambar dan pengajaran tradisional yang menggunakan kosa kata. Kajian penggunaan buku bergambar terhadap penulisan ayat Bahasa Cina dalam kalangan murid tahun dua dapat meningkatkan skor pencapaian penulisan dan minat murid. Maka keputusan data ini memperihalkan penggunaan buku bergambar dapat membantu murid memperbaiki kemahiran menulis ayat mereka dalam waktu pembelajaran penulisan. Implikasinya, buku bergambar adalah sesuai dijadikan sebagai satu bahan pengajaran dalam penulisan ayat Bahasa Cina.

Rujukan

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun Dua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Cao, A. W. (2016). Bermain Buku Bergambar dengan Kreatif dalam Pembacaan dan Penulisan. Hangzhou,China: Zhe Jiang Shao Nian Er Tong Chu Ban She.

Che Zanariah & Fadzilah. (2016). Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid 5.

Chua, Y. P. (2014). Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat secara atas talian. Retrieved 2 February 2018, from http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=picisan

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). Kamus Pelajar Edisi Kedua secara atas talian. Retrieved 2 February 2018, from http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dalam%20talian

Ragbir Kaur A/P Joginder Singh. (2013). Panduan Ilmu Pendidikan untuk DPLI Pedagogi. Seri Kembangan: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 9-10.

Fang, Y. L. (2015). Rencana Bahasa Cina di Malaysia Menjadi Rojak Disebabkan oleh Asas Bahasa yang Tidak Baik: Retrieved 2 February 2018, fromhttp://www.orientaldaily.com.my/s/57799.

He, J. (2017). Artikel Menemui Ruangan Pengajaran Bersama Li Zu Wen. Retrieved 2 February 2018, from http://www.ncjy.cn/ms/detail.asp?id=1714&u_type=2&u_id=187.

Hong & Zhuang. (2011). Artikel Masalah Pendidikan Bahasa Cina di Malaysia: Punca Kemerosotan Kualiti Penulisan Murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. http://www.123renren.net/article/748e35b2-4513-4138-87f7-118cf86c015c.htm. Diakses pada 16 Februari 2018.

Ji, M. H. (2015). Membina Rancangan Mengajar Penulisan Ayat Tahap Rendah Berpandukan Buku Bergambar. Retrieved 16 Jun 2018, from http://bianke.cnki.net/Web/Article/XZWW201505008.html

John W. C. (2014). Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approches. Los Angeles: SAGE Publications, Ins.

Kementerian Pendidikan Malaysia 2013. (2013). Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. 73.

Lee, P. (2017). Jurnal Pendidikan: Buku Bergambar Menjadikan Aktiviti Membaca dan Menulis Lebih Seronok.

Lee, P. (2014). Jurnal Pendidikan: Komen Terhadap Pengajaran Buku Bergambar.

Rensis Likert. (1932). A Technique For The Measurement Of Attitudes. New York: New York Univercity. Retrieved 3 March 2018, from https://legacy.voteview.com/pdf/Likert_1932.pdf

Song, J. Z. (2017). My Picture Book. Wu Lu Mu Qi: CHISO, Xin Jiang Qing Shao Nian Chu Ban She

Sun, X. Q., Huang, H. L., & Zheng, Y. B. (2017). Bahasa Cina Tahun 2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (KSSR Semakan). Sungai Buloh: The Malaya Press Sdn. Bhd.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 5, Issue 4, (page 97 - 107), 2020
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.385

Sun, X, Q., Huang, H. L., & Zheng, Y. B. (2017). Panduan Guru Bahasa Cina Tahun 2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (KSSR Semakan). Sungai Buloh: The Malaya Press Sdn. Bhd.

Wikipedia. (No date). Picture Book. Retrieved 2 March 2018, from https://en.wikipedia.org/wiki/Picture_book.

Wikipedia. (No date). Cronbach's Alpha. Retrieved 6 March 2018, from https://en.wikipedia.org/wiki/Cronbach%27s_alpha.

Yang, L. (2016). Jurnal Pendidikan: Membina Kurikulum Baharu dalam Pengajaran PenulisanBuku Bergambar .

Ye, Y. B. (2016). Jurnal Pendidikan: Pengajaran Penulisan Buku Bergambar Bukan Mengajar Buku Bergambar.